

Pasukan pembelaan Najib fail 6 rayuan

BH - 18/12/2021 m/s: 19

Rayuan dikemuka ke Mahkamah Persekutuan termasuk isu penolakan bukti baharu

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pasukan pembelaan Datuk Seri Najib Razak memfailkan enam rayuan pada 8 dan 15 Disember lalu, berhubung sabitan serta hukuman diputuskan terhadap bekas Perdana Menteri itu dalam kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, berkata rayuan itu dikemukakan ke Mahkamah Persekutuan dan ia termasuk isu penolakan bukti serta keterangan baharu dalam kes berkenaan.

“Kita ada desas-desus, keterangan lanjut yang kita mendapat tahu dan dikejutkan tidak diberitahu mana-mana pihak ma-

hupun pendakwa, SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) dan sekarang kita dapat tahu.

“Yang itu kita akan masukkan (dalam rayuan) untuk permohonan keterangan lanjut dan baharu. Perkara ini tidak boleh diberitahu sekarang kerana kita mahu sahkan dulu sebab kalau tidak, kita cagak atas ‘angin’ (dakwaan) saja.

“Kita harap dalam dua bulan ini (keterangan baharu difailkan). Insya-Allah akan dapat dalam jangka masa itu,” katanya pada sidang media secara maya, semalam.

Pada 8 Disember lalu, Mahkamah Rayuan sebulat suara mengekalkan sabitan terhadap Najib atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana berkenaan selepas menolak rayuannya.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Abdul Karim Abdul Jalil bersama Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera sebulat suara memutuskan demikian selepas mendapati rayuan Ahli Parli-

men Pekan itu tidak mempunyai merit.

Mahkamah turut mengekalkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta yang dikenakan terhadap Najib sebelum ini atas alasan hukuman yang dikenakan adalah wajar dan bersesuaian.

Sehari sebelum itu, mahkamah menolak permohonan Najib untuk memasukkan bukti dan keterangan baharu bagi dipertimbangkan dalam rayuan kes penyelewengan dana berkenaan.

Ditanya bila petisyen rayuan kes itu akan difailkan, Muhammad Shafee berkata, petisyen itu hanya perlu difailkan selepas pihaknya menerima rekod rayuan keputusan mahkamah

yang diserahkan secara rasmi.

“Petisyen rayuan seperti semua maklum ia adalah sebab-sebab kita merayu secara terperinci.

“Secara rasmi, rekod rayuan dan keputusan mahkamah kita belum terima. Selepas terima, kita ada 10 hari untuk memfailkan petisyen rayuan,” katanya.



Najib Razak